

**Hubungan ejekan penampilan fizikal dan ketidakpuasan terhadap tubuh badan  
dalam kalangan remaja**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara ejekan penampilan fizikal dan ketidakpuasan terhadap tubuh badan dalam kalangan remaja. Seramai 281 pelajar lelaki dan perempuan (berumur 16 tahun) daripada tiga buah sekolah menengah di Kota Kinabalu telah menjawab soal selidik laporan kendiri yang diberikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ejekan penampilan fizikal berhubungan secara positif dan signifikan dengan ketidakpuasan terhadap tubuh badan. Secara spesifiknya, ketiga- tiga ejekan fizikal, penampilan dan bentuk gangguan juga berhubungan secara positif dan signifikan dengan ketidakpuasan terhadap tubuh badan. Kajian mengajukan pelaksanaa intervensi-intervensi yang bersesuaian kepada pihak-pihak tertentu dalam membantu golongan remaja yang berkecenderungan tinggi mengalami ejekan penampilan fizikal dan membantu meningkatkan rasa harga diri terhadap tubuh badan mereka.